

Headline	Saham TNB meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	L-20
ArticleSize	55 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,150		



## Saham TNB meningkat

KUALA LUMPUR 23 Dis. - Saham Tenaga Nasional Bhd (TNB) terus meningkat hari ini berikutan jangkaan pelaksanaan mekanisme memindahkan beban kos bagi menangani kenaikan kos penjanaan tenaga.

Pada 11.05 pagi, saham TNB mencatat RM11.02, menokok 20 sen, dengan 1.1 juta saham bertukar tangan.

Firma penyelidik Kenanga Research dalam satu nota hari ini berkata, pelaksanaan mekanisme itu tidak dapat dielakkan berikutan perbelanjaan menjana tenaga semakin tinggi.

Mekanisme itu boleh mengurangkan risiko hasil TNB terjejas kepada kos bahan api, manakala kecekapan operasi kekal sebagai faktor penentu kepada keuntungan, katanya.

Kenanga mengekalkan penarafan 'berprestasi tinggi' terhadap TNB dengan harga sasaran RM12.07 sesaham. -

**BERNAMA**